

Jaguh silat adakan acara istimewa

27 AUG 1987

BEBERAPA orang jaguh silat yang terkenal dalam arena persilatan tempatan akan memunculkan beberapa persembahan istimewa sebagai pembuka tirai Pesta Silat Kesenian Kebangsaan yang akan berlangsung di Dewan Sukan Bedok hujung minggu ini.

Di samping itu, orang ramai juga akan berpeluang melihat persembahan khas Pasukan Silat Kebangsaan yang akan mewakili negara dalam Sukan Sea yang akan datang di Jakarta.

Pertandingan tahun ini yang dibahagikan kepada lapan kategori itu akan melibatkan tujuh naungan perguruan silat di bawah naungan Persisi.

Menurut Timbalan Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Haji Ismaon Haji Ali yang juga Ketua Pertandingan tersebut, setiap perguruan yang mengambil bahagian hanya dibenarkan menghantar satu regu bagi setiap kategori.

Bagaimanapun hanya dua kategori yang dipertandingkan dalam pesta silat itu — kategori Pendekar dan Srikandi — diwajibkan menggunakan senjata.

Perguruan silat yang akan bertanding dalam pesta silat dua hari itu ialah Perguruan Alhak, Perguruan Cekak, Perguruan Pencak Sunda, Perguruan Sendeng Belalang, Perguruan Setia Bakti, Perguruan Panca Sakti dan Perguruan Seligi Tunggal.

Para penonton yang ingin menyaksikan pertandingan itu perlu membeli tiket-tiket derma undangan yang boleh didapati di pintu masuk dewan itu yang berharga \$2 setiap satu.

Tiket-tiket juga boleh didapati daripada Persisi dan perguruan-perguruan silat berkenaan.

Menurut Haji Ismaon, pemegang-pemegang tiket undangan ini berpeluang memenangi beberapa hadiah bertuah yang disediakan oleh Persisi kepada para penonton.

Wang derma tersebut akan digunakan untuk membiayai usaha Persisi mengisi dana mengubahelok Rumah Silatnya yang baru di Mountbatten Road.

Pesaka kurang wang

28 AUG 1987

KUALA LUMPUR — Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), terpaksa mencari sumber kewangan lain bagi mengirim enam pegawai dalam pasukan pencak silat ke Sukan SEA.

Ini kerana Majlis Olimpik Malaysia (MOM) enggan membiayai perbelanjaan para pegawai itu.

MOM sejauh ini hanya bersejua untuk menampung perbelanjaan seorang pengurus, dua jurulatih, seorang pengadil dan 10 peserta.

Empat pencak silat, seorang ahli Dewan Pendekar dan seorang ahli Dewan Hakim bagi mengadil acara Silat Olahraga yang diminta

oleh penganjur perlu dibiayai oleh Pesaka sendiri.

Bagaimanapun, Setiausaha Pesaka, A. Rahman Hassan, bertekad untuk menghantar pegawai-pegawai yang diperlukan, walaupun menghadapi masalah kewangan ini.

“Usaha-usaha sedang dilakukan bagi mendapatkan sumber kewangan untuk tujuan atersebut,” terang Rahman.

Menurut Rahman, wasit, ahli Dewan Pendekar dan ahli Dewan Hakim diperlukan untuk memastikannya berjalan dengan lancar. — BHM.